



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: respon@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

BEKALAN TERNAKAN UNTUK HARI RAYA KORBAN MENCUKUPI

1. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Haji Che Abdullah Mat Nawi hari ini meninjau Kompleks Abatoir Kota Bharu, Kelantan. Terdapat tiga rumah sembelih ruminan yang terdapat di Kelantan terletak di Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas yang menelan belanja RM2.5 juta setiap satu. Rumah sembelih mula ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 dan sekarang menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 86 Akta Binatang 1953 (Akta 647) dinamakan Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009.
2. Mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar stok bekalan lembu/kerbau tempatan bagi penyembelihan hari raya korban sehingga Mei 2021 adalah 33,650 ekor manakala bekalan lembu/kerbau yang diimport sehingga 31 Mei 2021 adalah 10,192 ekor. Jumlah keseluruhan bekalan untuk lembu/kerbau bagi tujuan korban adalah 43,842 ekor.
3. Bagi kambing/bebiri, bekalan tempatan untuk penyembelihan hari raya korban sehingga Mei 2021 adalah 24,316 ekor manakala bekalan kambing/bebiri yang diimport dan bersedia untuk penyembelihan korban adalah sebanyak 8,857 ekor. Jumlah keseluruhan bekalan untuk kambing/bebiri bagi tujuan korban adalah 33,173 ekor.
4. Setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, dianggarkan permintaan lembu/kerbau untuk korban adalah sebanyak **39,172** ekor dan kambing/bebiri sebanyak **21,949** ekor untuk tahun 2021.

5. Berdasarkan anggaran bekalan ternakan daripada perangkaan Jabatan iaitu 43,842 ekor lembu/kerbau dan 33,173 ekor kambing/bebiri, adalah dijangka mencukupi untuk menampung permintaan sembelihan korban pada tahun ini sebanyak 39,172 ekor lembu/kerbau dan 21,949 ekor kambing/bebiri.
6. Sebanyak 27 buah rumah sembelih Jabatan di seluruh Semenanjung Malaysia sedia untuk beroperasi dan 10 daripada rumah sembelih berkenaan telah memenuhi syarat Export Supply Chain Assurance System (ESCAS) bagi tujuan penyembelihan ternakan daripada Australia. Di samping itu, DVS telah mengeluarkan lesen kepada 35 buah rumah sembelih swasta diseluruh Semenanjung Malaysia yang boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban.

Disediakan oleh:

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya
19 Jun 2021**